

Penyelidikan takaful USIM



Wakil USIM dan MTA bertukar dokumen MoU bersempena dengan majlis menandatangani MoU di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Persatuan Takaful Malaysia (MTA) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) untuk bekerjasama melaksanakan Program Latihan Graduan Industri Takaful.

Antara aktiviti dilaksanakan menerusi MoU itu ialah mewujudkan peluang kerjaya bagi graduan, penyelidikan bersama serta menyebarkan maklumat takaful dan kewangan Islam.

Timbalan Pengerusi MTA, Wan Azman Wan Mamat, berkata pihaknya berharap pemeteraian MoU itu menjadi pemangkin kepada lebih banyak kerjasama antara MTA dengan institusi pendidid-

kan tinggi tempatan.

"MoU hari ini satu peristiwa penting dalam industri takaful.

"Saya yakin usaha dan komitmen kami ini mampu memastikan kesinambungan pendidikan berkualiti terutama dalam industri takaful selain membangunkan bakat muda yang lebih dinamik untuk bekerja dalam industri takaful," katanya ketika berucap dalam majlis menandatangani perjanjian itu.

Majlis menandatangani MoU MTA-USIM diadakan bersempena dengan Forum Kewangan Islam Global anjuran Bank Negara di Kuala Lumpur, baru-baru ini.